

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : JENTIK

Tahniah berjaya 'segarkan udara'

Tahniah dan terima kasih Kementerian Kesihatan kerana 'menyegarkan udara' di sekitar kawasan restoran dan gerai makanan dengan terlaksananya penguatkuasaan serentak larangan merokok di semua tempat makan, termasuk tempat makan terbuka bermula Rabu lalu.

Ini adalah langkah positif meskipun ramai perokok tegar 'geram' dengan tindakan pihak berkuasa itu, konon tidak berperikemanusiaan. Apa pun, kita berharap selepas ini pihak kementerian membenarkan pengusaha restoran untuk membuka kawasan khas tempat merokok.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA

Parkir, kaki lima dianggap kawasan premis perniagaan

Kuala Lumpur: Individu yang didapati merokok di meja tambahan tanpa lesen di luar restoran atau premis makanan seperti di parkir atau kaki lima masih belum boleh menarik nafas lega kerana mereka masih boleh disaman.

Secara prinsipnya lokasi berkenaan masih dianggap kawasan premis perniagaan yang menjadi kawasan larangan merokok.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Jenayah, Majlis Peguam Malaysia, Muhammad Hasif Hasan, berkata walaupun takrifan mengenai kawasan merokok di luar tiga meter dari premis perniagaan makanan dikatakan kurang jelas, prinsip semangat penggabungan undang-undang itu akan diambil kira.

Katanya, tujuan undang-undang itu dibuat untuk menjaga kawasan premis makanan bebas rokok, jadi ia akan diambil kira dalam menentukan kesalahan yang dilakukan.

"Sepatutnya perokok itu tetap boleh disaman kerana bukan sebab jarak sahaja, tetapi untuk kesejahteraan pelanggan lain berdasarkan prinsip undang-undang itu digubal," katanya kepada BH, semalam.

Muhammad Hasif berkata, terserah kepada pihak penggubal undang-undang, sama ada untuk memperincikan lagi takrifan berkenaan, tetapi menegaskan ia se-

benarnya tidak menjejaskan perkara diambil kira oleh mahkamah untuk membuat keputusan.

Katanya, mahkamah boleh membuat keputusan sendiri berdasarkan hujah dan takrifan penggabungan undang-undang serta pemahaman, selain boleh juga menjadikan undang-undang berkaitan sebagai sokongan.

Sementara itu bagi peguam Muhammad Firdaus Adnan berkata walaupun didakwa kurang jelas, selagi lokasi itu sebahagian daripada premis makanan, tindakan masih boleh diambil.

Malah, katanya, meja serta kerusi itu juga adalah milik peniaga terbabit.

"Undang-undang ada prinsipnya, kalau perokok tidak puas hati, dia boleh mohon dibicarakan di mahkamah untuk buat keputusan menentukan dia bersalah atau sebaliknya.

"Bagaimanapun secara dasarnya, walaupun dia bukan merokok di bangunan perniagaan tetapi meja dan kerusi di tempat parkir atau kaki lima itu adalah milik peniaga terbabit," katanya.

Firdaus berkata, sebelum mahkamah membuat keputusan, ia mengambil kira apa niat Parlimen menggubal peraturan terbabit yang dalam kes itu bertujuan melindungi kepentingan bukan perokok daripada asap rokok yang berbahaya kepada kesihatan.

“Sepatutnya perokok itu tetap boleh disaman kerana bukan sebab jarak sahaja, tetapi untuk kesejahteraan pelanggan lain berdasarkan prinsip undang-undang itu digubal.”

Muhammad Hasif Hasan,
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa
Undang-Undang Jenayah, Majlis Peguam Malaysia

Larangan merokok di premis makanan



Pihak berkuasa tetap mengeluarkan saman terhadap perokok di kawasan kaki lima dan parkir premis makanan. (Foto Faiz Anuar /BH)

Tetap saman merokok di meja, kerusi tambahan

Kementerian Kesihatan akui tiada takrifan khusus dalam warta lokasi larangan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persoalan timbul, sama ada mereka yang merokok di meja tambahan tanpa lesen di luar restoran atau premis makanan boleh terlepas daripada tindakan saman.

Kementerian Kesihatan mengakui tidak ada takrifan khusus mengenai struktur tambahan tanpa lesen yang dinyatakan dalam warta lokasi larangan merokok yang dikuatkuasakan pada Rabu lalu.

Meja dan kerusi tambahan itu biasanya diletakkan oleh pemilik kedai makan, sama ada di kaki lima atau tempat parkir.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata pihaknya akan tetap mengeluarkan saman ke atas individu yang merokok di kawasan berkenaan kerana menganggap struktur tambahan tanpa lesen itu adalah juga sebahagian daripada premis makanan.

Katanya terserah kepada mahkamah untuk menentukan status saman dikeluarkan kepada pe-



“Kalau ikut tafsiran dalam larangan merokok, saman akan dikeluarkan kepada perokok yang merokok dalam lingkungan tiga meter daripada kawasan lesen operasi premis makanan.”

Dr Lee Boon Chye,
Timbalan Menteri Kesihatan

rokok di kawasan tambahan kerusi dan meja tanpa lesen itu.

"Kalau ikut tafsiran dalam larangan merokok, saman akan dikeluarkan kepada perokok yang merokok dalam lingkungan tiga meter daripada kawasan lesen operasi premis makanan, tetapi tidak dinyatakan secara jelas mengenai tambahan kerusi dan meja tanpa lesen.

"Bagaimanapun, perokok yang disaman dalam kawasan diwar-

takan sebagai kawasan larangan merokok tidak boleh mencabar keputusan itu di mahkamah kerana sudah jelas dinyatakan dalam perwartaan berkenaan.

"Kita juga tidak mengambil tindakan ke atas pemilik yang menyediakan kemudahan kepada perokok di luar kawasan lesen operasi premis masing-masing kerana ia tertakluk di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas tindakan beberapa pemilik kedai makanan menyediakan kemudahan, termasuk kerusi kepada perokok di luar premis masing-masing, selepas larangan merokok dikuatkuasakan, Rabu lalu.

Semalam, 605 notis dengan jumlah kompaun RM144,450 dilapor dikeluarkan menerusi penguatkuasaan serentak larangan merokok di semua premis makanan, termasuk tempat makanan terbuka di seluruh negara.

Larangan merokok itu diwartakan mengikut Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku (PPKHT) 2004, memperuntukkan denda maksimum RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun bagi perokok, manakala denda melebihi RM3,000 atau penjara maksimum enam bulan bagi pengusaha, yang melanggar peraturan.

Peraturan 12(1)(a) dan 12 (1)(b) PPKHT 2004 pula menetapkan pemilik tempat makan perlu memastikan premis mereka bebas daripada bentuk amalan merokok dengan mempamerkan tanda larangan merokok secara jelas.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

NSAIDS tingkat risiko jangkitan influenza

Elak beri ubat tersebut kepada kanak-kanak

KUALA LUMPUR

Ubat-ubatan dalam kumpulan ubat *Non-Steroidal Anti Inflammatory Drugs* (NSAIDS) yang diberikan kepada kanak-kanak di bawah lima tahun untuk mengurangkan demam boleh meningkatkan risiko komplikasi jangkitan influenza.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Nor Hisham Abdullah dalam kenyataan di sini semalam berkata, terdapat bukti klinikal yang menunjukkan ubat NSAIDS boleh meningkatkan risiko komplikasi jangkitan influenza seperti radang otak dalam kalangan kanak-kanak.

Justeru, katanya, Kementerian Kesihatan menasihati agar pemberian ubat tersebut kepada kanak-kanak dielakkan dan jika terdapat keperluan, boleh ambil ubat *paracetamol* mengikut dos yang tepat.

“Selain mendemah baha-



gian badan seperti kepala, kaki dan badan dengan tuala basah, pastikan pesakit minum air secukupnya.

“Sila bawa pesakit berjumpa doktor dengan segera sekiranya demam tidak berkurangan atau mempunyai gejala penyakit influenza seperti demam selesema atau

flu, sakit tekak, batuk dan gejala lain seperti sakit kepala, sakit otot, sakit sendi dan kelesuan,” katanya.

Dr Nor Hisham dalam kenyataannya pada 31 Disember lalu berkata, peningkatan kes jangkitan influenza masih berada dalam julat normal dan hampir sama dengan



DR NOOR HISHAM

tahun-tahun sebelumnya.

Menurutnya, pemantauan penyakit tersebut dibuat dengan menggunakan data proksi yang direkodkan daripada aktiviti surveilans yang melibatkan beberapa lokasi sentinel yang dikenal pasti di seluruh Malaysia.

Beliau berkata, sebagai langkah pencegahan penularan jangkitan influenza, Kementerian berkenaan mengingatkan orang ramai agar sentiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, kerap membasuh tangan menggunakan air dan sabun atau ubat pembersih tangan serta mengamalkan adab batuk yang baik dan cara hidup sihat. - *Bernama*